

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1996/97

APRIL 1997

RAK 232/3 - PRINSIP-PRINSIP REKAAN SENI BINA

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** mukasurat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan sahaja.

1. Rekabentuk seni bina terdiri daripada rekabentuk estetik dan rekabentuk berfungsi. Rekabentuk estetik yang dicapai melalui kesatuan komposisi bermula daripada 2-D sehingga 4-D, manakala rekabentuk berfungsi menjelaskan tujuan rekaan. Kesemua rekabentuk ini mempunyai komponen asas supaya komposisi tersebut dapat dicapai. Jelaskan bagaimana ciri-ciri komponen rekabentuk ini dapat menghasilkan rekabentuk yang berjaya.


(20 markah)

2. Ruang yang dihasilkan dalam rekabentuk seni bina berdasarkan dataran. Terdapat beberapa jenis dan ciri-ciri dataran supaya ruang yang menarik dapat dihasilkan. Anda dikehendaki merekabentuk satu ruang luar bangunan. Plot tanah berukuran 5M x 5M, ketinggian rekabentuk tidak melebihi 6M, ciri-ciri tapak adalah seperti berikut:-

Permukaan tanah adalah rata dan terdapat anak sungai mengalir dari barat daya (lihat Gambar Rajah 2.1).

Lakarkan satu ruang yang dapat menjelaskan peranan dataran di dalam rekabentuk seni bina.

Gambar Rajah 2.1



(20 markah)

3. Bincangkan bagaimanakah prinsip kesatuan dapat dicapai dalam rekabentuk Seni Bina.

(20 markah)

4. Bincangkan dengan bantuan lakaran **EMPAT** daripada prinsip-prinsip peraturan berikut:-

- (a) Paksi
- (b) Simetri
- (c) Hierarki
- (d) Pengulangan
- (e) Datum
- (f) Transformasi

(20 markah)

5. Pilih salah seorang daripada tokoh-tokoh seni bina berikut dan bincangkan konsep rekabentuknya dengan mengambil kira sebuah bangunan 'masterpiece' tokoh tersebut :-

- (a) Frank Lloyd Wright
- (b) Le Corbusier
- (c) Mies Van De Rohe
- (d) Walter Gropius

(20 markah)

6. (a) Persepsi Visual dalam rekabentuk produk. Bincangkan.
(b) Peraturan 'Gestalt' dalam rekabentuk produk. Bincangkan kegunaan dan aplikasinya.

(20 markah)

-ooo00ooo-